

BANK ISLAM TEKAD TINGKATKAN KAWALAN DALAMAN DAN PENGALAMAN PERBANKAN DIGITAL

KUALA LUMPUR, Rabu, [30 Julai 2025]: Merujuk kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) berkenaan Penalti Monetari Pentadbiran (Administrative Monetary Penalty, AMP), Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) ingin menekankan bahawa langkah-langkah pemulihan telah diambil untuk meningkatkan kawalan dalaman berkaitan saringan sekatan.

Selain itu, Bank ingin menyampaikan kekesalan kami berhubung gangguan perkhidmatan dan tempoh waktu gendala tidak dijangka untuk sistem kritikal bagi tempoh seperti dinyatakan dalam AMP yang memberi kesan kepada pelanggan semasa menjalankan transaksi perbankan mereka serta mengakibatkan kesulitan.

Bank Islam telah melabur dan akan terus melabur ke arah transformasi amalan terbaik, pelaksanaan seni bina dan infrastruktur digital untuk menyokong perubahan dinamik landskap digital kerana Bank komited meningkatkan pengalaman digital pelanggan. Satu pencapaian besar dalam pelaburan ini adalah pembangunan dan pelancaran awal daripada jadual platform digital berasaskan awan BIMB Web dan aplikasi mudah alih BIMB Mobile baharu pada November 2024 yang memperkaya pengalaman digital pelanggan ke arah perkhidmatan digital yang lebih selamat, mesra pengguna, dan responsif.

Bank telah memperkukuh kawalan dalaman dan sistem pemantauan masa nyatanya untuk mengurangkan risiko masa gendala dan memastikan respons lebih pantas untuk isu-isu teknikal. Langkah-langkah ini menyokong matlamat meluas kami untuk menyampaikan perkhidmatan perbankan yang boleh dipercayai dan bersedia untuk masa depan selaras dengan komitmen Bank untuk memperkukuhkan ketahanan operasi bagi memastikan pengalaman digital pelanggan yang terbaik.

Bank Islam kekal teguh dalam matlamat untuk berkhidmat dengan integriti, mempromosi inklusiviti kewangan, dan mengekalkan kepercayaan yang diberikan kepada kami. Kami melihat pengalaman ini bukan sebagai penghalang tetapi sebagai peluang untuk pertumbuhan lebih kukuh, berkomunikasi dengan lebih telus dan membina institusi yang lebih berdaya tahan.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.